LAPORAN TAHUNAN 2016

ANNUAL REPORT 2016

Semua maklumat adalah sahih pada masa cetakan.
All information are deemed correct at the time of printing.

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR MALAYSIA
FORESTRY DEPARTMENT PENINSULAR MALAYSIA
MINISTRY OF NATURAL RESOURCES AND ENVIRONMENT MALAYSIA

KANDUNGAN
CONTENTS

5

PERSPEKTIF JABATAN / ***DEPARTMENT'S PERSPECTIVES***
Visi / *Vision* 6
Misi / *Mission* 6
Objektif / *Objectives* 7
Piagam Pelanggan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia 8
Client's Charter Forestry Department Peninsular Malaysia Headquaters
Piagam Pelanggan Jabatan Perhutanan Negeri 9
Client's Charter State Forestry Department

11

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN / *MANAGEMENT AND ADMINISTRATION*
Perutusan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia 12
Message from the Director-General of Forestry Peninsular Malaysia
Fungsi Direktorat / *Functions of the Directorate* 18
Ahli-ahli Direktorat / *Members of the Directorate* 19
Pengarah Bahagian / Ketua Unit di Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia 20
Division Directors / Heads of Units at the Forestry Department Peninsular Malaysia Headquaters
Pengarah Perhutanan Negeri / *State Directors of Forestry* 22
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang / *Excellent Service Awards 2015* 24
Anugerah Darjah Kebesaran Persekutuan dan Negeri / *Federal and State's Honour 2016* 27
Carta Organisas*i* / *Organisation Chart* 29
Organisasi Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia 31
Organisation of Forestry Department Peninsular Malaysia
Petunjuk Utama / *Key Indicators 2016* 50
Peruntukan Perlembagaan, Dasar dan Undang-undang 52
Constitutional Provisions, Policy and Legislations
Imbasan Sepanjang Tahun / *Year Under Review 2016* 53

61

ARTIKEL / *ARTICLES*
Artikel 1 : Penjenamaan Semula Hutan Lipur kepada Taman Eko-Rimba 62
Article 1 : Rebranding Amenity Forest to Forest Eco-Park
Artikel 2 : Transformasi Pemantauan dan Penguatkuasaan Hutan melalui Inovasi *Forest Monitoring Using Remote Sensing Plus 5* 65
Article 2 : Innovative Transformation of Forest Enforcement and Monitoring through Forest Monitoring Using Remote Sensing Plus 5
Artikel 3 : Insiden Kebakaran Blok Chengal, IPJPSM 69
Article 3 : Fire Incident at Block Chengal, FDPMHq

73

PROFIL JABATAN PERHUTANAN NEGERI / *STATE FORESTRY DEPARTMENT'S PROFILE*
Semenanjung Malaysia / Peninsular Malaysia 74

87

PERISTIWA-PERISTIWA PENTING / *MAIN EVENTS 2016*
Januari - Disember / January - December 2016 88

97

JADUAL / ***TABLES***

Jadual 1 : Tanah Berhutan dan Tidak Berhutan di Semenanjung Malaysia 2016 **98**
Table 1 : Forested and Non-Forested Land in Peninsular Malaysia 2016
Jadual 2 : Keluasan Hutan Simpanan Kekal mengikut Jenis-Jenis Hutan di Semenanjung Malaysia 2016 **99**
Table 2 : Area of Permanent Reserved Forest by Forest Types in Peninsular Malaysia 2016
Jadual 3 : Keluasan Hutan yang Dilesenkan untuk Pengusahasilan di Semenanjung Malaysia 2016 **100**
Table 3 : Forest Area Licensed for Harvesting in Peninsular Malaysia 2016
Jadual 4 : Penggunaan Kayu Balak dan Kayu Gergaji oleh Industri Berasas Kayu Terpilih di Semenanjung Malaysia 2016 **101**
Table 4 : Consumption of Logs and Sawn Timber by Selected Wood-Based Industries in Peninsular Malaysia 2016
Jadual 5 : Kutipan Hasil Hutan di Semenanjung Malaysia 2016 **102**
Table 5 : Forest Revenue Collection in Peninsular Malaysia 2016
Jadual 6 : Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan di Semenanjung Malaysia 2016 **103**
Table 6 : Operating and Development Expenditure in Peninsular Malaysia 2016
Jadual 7 : Pengeluaran Produk Kayu-Kayan Terpilih di Semenanjung Malaysia 2016 **104**
Table 7 : Production of Selected Wood-Based Products in Peninsular Malaysia 2016
Jadual 8 : Bilangan Kilang bagi Industri Berasas Kayu Terpilih di Semenanjung Malaysia 2016 **105**
Table 8 : Number of Mills for Selected Wood-Based Industries in Peninsular Malaysia 2016
Jadual 9 : Guna tenaga dalam Pengusahasilan Hutan dan Industri Berasas Kayu Terpilih di Semenanjung Malaysia 2016 **106**
Table 9 : Employment in the Forest Harvesting and Selected Wood-Based Industries in Peninsular Malaysia 2016
Jadual 10 : Pengeluaran Kayu Balak mengikut Spesies di Semenanjung Malaysia 2016 **107**
Table 10 : Log Production by Species in Peninsular Malaysia 2016
Jadual 11 : Harga Purata Domestik Kayu Balak mengikut Spesies di Semenanjung Malaysia 2016 **115**
Table 11 : Average Domestic Price of Log by Species in Peninsular Malaysia 2016
Jadual 12 : Tenaga Kerja dalam Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia pada 31 Disember 2016 **117**
Table 12 : Workforce of Forestry Department Peninsular Malaysia as at 31st December 2016

125 LAMPIRAN / *APPENDICES*

Lampiran A : Kenaikan Pangkat / Pelantikan Baru Staf pada 2016 **126**
Appendix A : Promotion / New Appointment of Staff in 2016
Lampiran B : Senarai Staf yang Bertukar / Bersara / Meletak Jawatan / Meninggal Dunia pada 2016 **128**
Appendix B : List of Staff Transferred / Retired / Resigned / Passed Away in 2016
Lampiran C : Senarai Staf yang Menghadiri Kursus / Seminar / Bengkel / Persidangan / Lawatan Rasmi / Mesyuarat di Luar Negara pada 2016 **139**
Appendix C : List of Staff Attending Courses / Seminars / Workshops / Conferences / Attending Officials Visits / Meetings Overseas in 2016
Lampiran D : Senarai Kursus Anjuran Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia pada 2016 **141**
Appendix D : List of Courses Organised by Forestry Department Peninsular Malaysia Headquarters in 2016
Lampiran E : Senarai Nama Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Kumpulan Pelaksana Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia pada 31 Disember 2016 **145**
Appendix E : List of Senior Officers and Supporting Officers in the Forestry Department Peninsular Malaysia as at 31st December 2016
Lampiran F : Senarai Pembentang Kertas Kerja Persidangan / Seminar / Bengkel Peringkat Antarabangsa / Kebangsaan Dalam atau di Luar Negara **173**
Appendix F : List of Paper Presenters in International / National Conferences / Seminars / Workshops
Lampiran G : Nama dan Alamat Pejabat Perhutanan dan Agensi-agensi Berkaitan **175**
Appendix G : Name and Addresses of Forestry Offices and Related Agencies

Liputan Akhbar / *Newspaper Coverage* **181**

Jawatankuasa Editorial Laporan Tahunan JPSM / *Annual Report Editorial Committee FDPM 2016* **183**

Akronim / *Acronyms* **184**

Peta Lokasi Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia **185**
Location Map of Forestry Department Peninsular Malaysia Headquarters



Taman Eko-Rimba Chemerong, Terengganu



Perspektif Jabatan

Department's Perspectives

VISI

Menjadi agensi terunggul dalam pengurusan hutan tropika secara berkekalan.

VISION

To be the agency of excellence in the sustainable management of tropical forest.

MISI

Untuk mengurus dan membangunkan sumber hutan secara berkekalan serta mengoptimumkan sumbangannya kepada pembangunan sosioekonomi negara.

MISSION

To sustainably manage and develop the forest resources and optimise their contributions to national socioeconomic development.

OBJEKTIF

OBJECTIVES

- Untuk menguruskan sumber hutan negara secara berkekalan bagi pengeluaran berterusan hasil dan perkhidmatan hutan serta penggunaannya secara optimum bersesuaian dengan keperluan alam sekitar.

- *To manage the forest resources sustainably for the continuous production of forest goods and services and their optimum utilisation, compatible with environmental requirements.*

- Untuk meningkatkan bekalan pengeluaran hasil dan perkhidmatan hutan melalui aktiviti-aktiviti perhutanan bersesuaian yang akan meningkatkan kualiti, produktiviti serta penggunaan sumber hutan.

- *To increase the supply of forest goods and services through appropriate forestry activities that enhance the quality, productivity and utilisation of the forest resources.*

- Untuk terus membangunkan teknologi mantap yang bersesuaian dengan keperluan alam sekitar bagi pemeliharaan, pengurusan dan penggunaan sumber hutan.

- *To further develop appropriate environmentally sound technology for the conservation, management and utilisation of the forest resources.*

- Untuk memelihara dan melindungi kepelbagaian biologi hutan air serta tanah dan penggunaannya secara berkekalan.

- *To conserve and protect the forests biological diversity, water and soil, and their sustainable utilisation.*

- Untuk meningkatkan kualiti dan kecekapan kilang-kilang pemprosesan berasaskan keluaran hutan serta menambahkan aktiviti-aktiviti hiliran dengan nilai tambah yang tinggi.

- *To increase the quality and efficiency of the forest-based processing mills and enhance higher value added downstream activities.*

- Untuk memperkukuhkan pembangunan sumber manusia bagi menyokong sektor perhutanan.

- *To strengthen human resource development (HRD) to support the forestry sector.*

- Untuk meningkatkan kesedaran awam berhubung peranan hutan terhadap alam sekitar dan pemeliharaan melalui pembelajaran serta penyebaran maklumat.

- *To improve public awareness on the environmental and conservational roles of forests through education and dissemination of information.*

- Untuk meningkatkan sumbangan sektor perhutanan kepada pendapatan negara, pertukaran wang asing dan peluang-peluang pekerjaan.

- *To increase the forestry sector's contribution to national income, foreign exchange earnings and employment opportunities.*

PIAGAM PELANGGAN IPJPSM

- Semua permohonan untuk mendapatkan maklumat-maklumat mengenai pengurusan, pembangunan dan pemuliharaan sumber hutan serta industri perhutanan akan dikemukakan dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh permohonan diterima kecuali bagi maklumat-maklumat yang belum diperolehi oleh Jabatan.
- Nasihat-nasihat teknikal mengenai pengurusan, pembangunan dan pemuliharaan sumber hutan serta industri perhutanan akan dikemukakan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh ianya diterima kecuali bagi perkara-perkara yang memerlukan kajian yang khusus.
- Semua permohonan untuk mendapatkan penerbitan tidak terperingkat akan diedarkan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh permohonan diterima.
- Permohonan untuk mengikuti latihan dalam perkhidmatan yang dianjurkan oleh Jabatan akan dimaklumkan keputusannya dalam tempoh dua (2) minggu selepas tarikh tamat penerimaan permohonan.
- Permohonan untuk mengikuti kursus-kursus di Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN), Kepong dan Pusat Latihan Perhutanan, Terengganu akan dimaklumkan keputusannya dalam tempoh satu (1) bulan selepas tarikh temuduga.
- Semua laporan kemajuan projek pembangunan hutan akan dikemukakan kepada agensi pusat tidak lewat dari tarikh yang ditetapkan.
- Keputusan tawaran pelaksanaan projek pembangunan hutan akan dimaklumkan tidak lewat dari empat (4) bulan selepas tawaran dikeluarkan.
- Tindakan untuk mengemukakan dokumen bagi bayaran kemajuan kontrak ke Perbendaharaan akan diambil dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh permohonan diterima sekiranya semua syarat-syarat yang ditetapkan dipenuhi.
- Bon perlaksanaan kontrak akan dilepaskan dalam tempoh satu (1) bulan selepas tamat tempoh bon tersebut.
- Semua aduan berhubung perkhidmatan perhutanan akan diambil tindakan dalam tempoh tiga (3) hari dari tarikh aduan diterima.

CLIENT'S CHARTER FDPMHq

- *All requests for information on management, development and conservation of forest resources as well as forest industries shall be entertained within one (1) week from the date such requests were made except for information not readily available in the Department.*
- *Technical advice on management, development and conservation of forest resources, as well as forest industries shall be forwarded within two (2) weeks from the date such requests were made except for matters requiring specific studies.*
- *All requests for unrestricted publications shall be distributed within two (2) weeks from the date such requests were made.*
- *All applications to attend in-service training organised by the Department shall be notified within two (2) weeks after the closing date for such applications.*
- *All applications to attend courses at the Forestry Training Institute (FORTRAIN) in Kepong and the Forestry Training Centre in Terengganu shall be notified within one (1) month after the dates of interviews.*
- *All progress reports on forest development projects shall be submitted to the central agency not later than the date stipulated.*
- *Results of tenders for the implementation of forest development projects shall be made known not later than four (4) months after such tenders were issued.*
- *Actions to forward the contract progress payment documents to the Treasury shall be undertaken within one (1) month from the date of application provided all conditions are fulfilled.*
- *Performance bonds shall be released within one (1) month after the expiry date of such bonds.*
- *All complaints pertaining to forestry services shall be acted upon within three (3) days after such complaints were received.*

PIAGAM PELANGGAN JPN

CLIENT'S CHARTER SFD

- Semua permohonan untuk mengeluarkan hasil-hasil hutan atau menjalankan kilang berasas kayu akan diproses mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

  All applications to take forest produce or to operate wood-based industries shall be processed according to prescribed procedures.

- Lesen untuk mengeluarkan hasil hutan akan dikeluarkan dalam tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh kelulusan diberi, setelah semua syarat-syarat kelulusan dipatuhi.

  Licences to take forest produce shall be issued within a period of not more than six (6) months from the date of approval, provided the required terms are fulfilled.

- Lesen untuk menjalankan kilang berasas kayu akan dikeluarkan dalam tempoh masa tidak melebihi satu (1) bulan dari tarikh siap kilang dibina setelah memenuhi semua syarat-syarat kelulusan.

  Licences to operate wood-based industries shall be issued within a period of not more than one (1) month from the completion of mill construction provided all terms of approval are fulfilled.

- Keputusan mengenai permohonan melanjutkan tempoh lesen mengeluarkan hasil hutan atau lesen menjalankan kilang berasas kayu akan diberi dalam tempoh tidak melebihi satu (1) bulan dari tarikh permohonan diterima.

  Decisions on applications for extention of all licences to take forest produce or to operate wood-based industries shall be made within a period of not more than one (1) month from the date of such applications were received.

- Menghargai maklumat serta maklum balas yang diterima daripada orang awam. Semua aduan kesalahan hutan akan diambil tindakan dalam masa tidak melebihi tiga (3) hari.

  Information and feedback received from the public will be acknowledged. All complaints pertaining to forest offences shall be acted upon within a period of not more than three (3) days.

- Memberi perkhidmatan yang sebaik mungkin serta layanan yang mesra setiap masa.

  To render the best possible services and courtesy at all times.

Taman Eko-Rimba Sungai Bantang, Johor



Pengurusan dan Pentadbiran

Management and Administration

PERUTUSAN
MESSAGE

Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia
Director-General of Forestry Peninsular Malaysia

Bismillahirrahmanirrahim,
Segala puji bagi Allah, Tuhan Semesta Alam, Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad S.A.W.,
Praise be to Allah, the Almighty God, Peace and Blessings on the most beloved Prophet Muhammad P.B.U.H.

Salam 1Malaysia, Salam 1NRE, dan Salam 1JPSM.
Greetings 1Malaysia, Greetings 1NRE, and Greetings 1JPSM.

Selamat tinggal Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10:2011-2015) dan selamat datang Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11:2016-2020). Tahun 2016 merupakan gerbang dan tahun permulaan bagi RMKe-11 menjelang Wawasan 2020. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) amat komited untuk melaksanakan pelbagai program, projek dan aktiviti perhutanan selaras dengan arus kemajuan pembangunan negara ke arah mencapai pertumbuhan hijau melalui Teras Strategik 4 iaitu Menuju ke arah Pertumbuhan Hijau bagi Meningkatkan Kemampanan dan Daya Tahan. Di bawah Teras Strategik ini, sebanyak empat (4) bidang fokus telah ditetapkan yang meliputi (i) Memperkukuhkan persekitaran yang menyokong pertumbuhan hijau; (ii) Mengguna pakai konsep penggunaan dan pengeluaran mampan; (iii) Memulihara sumber asli untuk generasi masa kini dan hadapan; dan (iv) Memperkukuhkan daya tahan terhadap perubahan iklim dan bencana alam. Bagi memenuhi tujuan tersebut, JPSM bertindak sebagai agensi instrumental dalam merealisasikan pencapaian Key Performance Indicators (KPI) yang ditetapkan.

Let's bid farewell to the Tenth Malaysia Plan (10th MP:2011-2015) and welcome the Eleventh Malaysia Plan (11th MP:2016-2020). The year 2016 was the entrance and starting year of the 11th MP period towards Vision 2020. Forestry Department Peninsular Malaysia (FDPM) is fully committed to implement its various programmes, projects and forestry activities in accordance with the country's development progress to achieve green growth through Strategic Thrust 4, namely Pursuing Green Growth for Sustainability and Resilience. Under this Strategic Thrust, a total of four (4) focus areas comprising (i) Enhancing environment that supports green growth; (ii) Adopting the concept of sustainable consumption and production; (iii) Preserving natural resources for the present and future generations; and (iv) Strengthening resilience on climate change and natural disasters. To achieve these targets, FDPM was executed as the instrumental agency in order to realise the set of assigned Key Performance Indicators (KPIs).

Sepanjang tahun 2016, sejumlah 99.20% daripada peruntukan pembangunan di peringkat Persekutuan telah berjaya dibelanjakan oleh Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) bagi melaksanakan tujuh (7) projek utama pembangunan hutan iaitu (i) Restorasi, Tebus Guna dan Pemulihan Kawasan Hutan Terosot di Semenanjung Malaysia; (ii) Pengurusan dan Pembangunan *Central Forest Spine* (CFS); (iii) Pemerkasaan Taktikal Penguatkuasaan Hutan, Pengukuhan Prosedur dan Pembangunan Teknologi Penguatkuasaan; (iv) Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-Spesies yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara; (v) Pembangunan Sistem Maklumat Perhutanan; (vi) Pengurusan Kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) bagi Tujuan Sumber Bekalan Air; dan (vii) Pemeliharaan dan Pemuliharaan Kepelbagaian Flora Hutan Negara. Projek-projek

In 2016, a total of 99.20% of the Federal's development budget was successfully spent by the Forestry Department Peninsular Malaysia Headquarters (FDPMHq) to implement seven (7) key forest development projects, namely (i) Restoration, Reclamation and Rehabilitation of Degraded Forest Areas in Peninsular Malaysia; (ii) Management and Development of Central Forest Spine (CFS); (iii) Enpowerment in Tactical Enforcement and Enhancing Technology Development of Forest Enforcement Procedure; (iv) Programme on Planting of Mangroves and Other Suitable Tree Species along the National Coastlines; (v) Development of Forestry Information Systems; (vi) Management of Permanent Reserved Forest Areas for Water Supply; and (vii) Preservation and Conservation of National Flora Biodiversity.These core projects were implemented to realise FDPM's

yang dilaksanakan ini merupakan teras ke arah merealisasikan pencapaian misi utama JPSM dalam mengurus dan membangunkan sumber hutan secara lestari serta mengoptimumkan sumbangannya kepada pembangunan sosio-ekonomi negara. Tahniah dan syabas saya ucapkan ke atas prestasi pencapaian cemerlang ini dan berharap agar prestasi seumpama ini dapat dikekalkan dan diteruskan lagi oleh IPJPSM bagi projek-projek pembangunan hutan di masa hadapan.

main mission to sustainably manage and develope forest resouces as well as to optimise its contributions to socioeconomic development of the country. I congratulate and express my gratitude to these outstanding achievements and hoped that these similar achievements would be extended to every FDPMHq's future development projects.

Pengurusan hutan pada masa ini semakin bertambah mencabar seiring bagi memenuhi kehendak pelbagai perubahan dan permintaan semasa. Sejajar dengan perkembangan ini, pendekatan dalam pengurusan, pembangunan, pemuliharaan dan pemeliharaan sumber hutan secara komprehensif dan lestari telah diperkasakan melalui pengemaskinian dan penambahbaikan Visi, Misi, Objektif dan Piagam Pelanggan yang sedia ada bagi mencapai keunggulan pelaksanaannya. Pengemaskinian dan penambahbaikan Visi, Misi, Objektif JPSM dan Piagam Pelanggan ini menggambarkan keutamaan pengurusan hutan secara lestari di samping mengambil kira perkembangan skop perhutanan serta kerjasama dan komitmen negara di peringkat serantau dan antarabangsa serta memastikan khazanah hutan negara dapat terus dikekalkan dan terpelihara untuk dimanfaatkan generasi hari ini dan akan datang.

Forest management in the current situation is facing growing challenges in meeting the requirements of the various changes and current demands. In this endeavour, the existing Vision, Mission, Objectives and Client's Charter were revised and refined for the comprehensive and sustainable implementation of the management, development, conservation and preservation of forest resources. The revision and refinement of the Vision, Mission, Objectives and the Client's Charter reflected the importance of sustainable forest management, while taking into account the progressive development of the forestry scope as well as countries cooperations and commitments at the regional and international levels and to ensure continuous preservation and conservation of the national forest heritage for the benefits of today and future generations.

Dari segi pengurusan dan pembangunan khazanah hutan, JPSM juga terus memperkasakan pelaksanaan Amalan Pengurusan Hutan Secara Lestari (PHSL) sedia ada dengan menekankan pendekatan holistik 'Hutan Bukan Untuk Pengeluaran Kayu-kayan Semata-mata'. JPSM bertanggungjawab kepada pengurusan, perancangan, perlindungan dan pembangunan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) selaras dengan Dasar Perhutanan Negara (DPN) 1992 dan Akta Perhutanan Negara (APN) 1984. Sehingga tahun 2016, JPSM berjaya mengekalkan kawasan berhutan di Semenanjung Malaysia seluas 4.50 juta hektar mencakupi tiga (3) jenis hutan utama iaitu Hutan Darat (4.14 juta hektar), Hutan Paya Gambut (0.25 juta hektar) dan Hutan Paya Laut (0.11 juta hektar). Ke arah merealisasikan pendekatan ini, JPSM telah memperhebatkan gerak kerja bagi mengembelingkan semua warga kerja agar lebih komited, kreatif dan inovatif dalam pelaksanaan pelbagai program, projek dan aktiviti berteraskan perhutanan untuk terus menjamin banyak manfaat, sumbangan serta peranan hutan kepada kesejahteraan masyarakat.

In terms of forest management and development of forest heritage, FDPM continued to strengthen the implementation of its existing Sustainable Forest Management (SFM) Practices with emphasis on a holistic approach of 'Forest Beyond Timbers'. In accordance with the National Forestry Policy (NFP) 1992 and National Forestry Act (NFA) 1984, FDPM is responsible for the management, planning, protection and development of Permanent Reserved Forests (PRFs). As at 2016, FDPM has successfully maintained 4.50 million hectares as forested land in Peninsular Malaysia comprising three (3) main forest types, namely Inland Forest (4.14 million hectares), Peat Swamp Forest (0.25 million hectares) and Mangrove Forest (0.11 million hectares). To achieve this target, FDPM had strengthened its work force to be more committed, creative and innovative in the implementation of its various forestry programmes, projects and activities in order to ensure the continuous benefits, contributions and roles of forestry for the livelihood of the society.

Demi meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk memelihara dan memulihara ekosistem Hutan Paya Laut termasuk kawasan pesisiran pantai dalam memastikan kelangsungan peranan serta sumbangannya kepada kesejahteraan masyarakat sejagat, Persidangan United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation (UNESCO) Sesi Ke-38 pada 6 November 2015 di Paris telah

In its endeavour to increase awareness among the communities to conserve and preserve the Mangroves ecosystems including the coastlines as well as to ensure the continuing role and contributions to the livelihood of the global community, the 38th United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation (UNESCO) Conference held on 6th November 2015 in Paris declared 26th July each year

mengisytiharkan 26 Julai setiap tahun sebagai Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa. Lanjutan dari itu, sebagai negara ahli dan sokongan terhadap usaha UNESCO ini, buat julung kalinya satu sambutan peringkat kebangsaan telah diadakan pada 18 Ogos dalam tahun 2016 yang bertema "Hutan Paya Laut Untuk Kesejahteraan Masyarakat" bertempat di Hutan Eko-Pelajaran Hutan Paya Laut Matang, Kuala Sepetang, Perak. Bersempena dengan sambutan ini juga, satu seminar berkaitan usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan Hutan Paya Laut dan kawasan pesisiran pantai negara yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan, khususnya melalui Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-spesies yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara sejak tahun 2005 telah diadakan selama dua (2) hari bermula pada 19 hingga 20 Ogos 2016 di Hotel WEIL, Ipoh, Perak. Seminar ini melibatkan pembentangan kertas kerja dan perkongsian pengalaman/kepakaran daripada jabatan/agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi, badan bukan kerajaan dan persatuan masyarakat.

as the International Day for the Conservation of the Mangrove Ecosystem. In pursuant to this decision and as an UNESCO member state in supporting this decision, the first initiated national celebration with the theme 'Mangroves for Community' was held on 18th August in 2016 at the Matang Mangrove Forest Eco-Education Centre, Kuala Sepetang, Perak. In conjunction with this celebration, a two (2) days seminar from 19th to 20th August 2016 was also held at WEIL Hotel, Ipoh, Perak. The seminar covers presentations and sharing of experiences/expertise from many government departments/agencies, institutions of higher learning, non-governmental organisations and community associations.

Pemasyuran penemuan spesies baru Resak dalam tahun 2016 yang dinamakan Resak abdulrahman atau nama saintifiknya Vatica abdulrahmaniana melakar sejarah baru perhutanan apabila menjadi satu-satunya spesies unik dunia yang hanya dijumpai di Hutan Simpan Kledang Saiong, Perak. Spesies istimewa ini ditemui oleh pakar penyelidik yang menjalankan kerja pemantauan jangka panjang spesies terancam di Semenanjung Malaysia menerusi projek yang dikendalikan oleh Institusi Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) pada tahun 2009 dan melibatkan rujukan pelbagai pakar taksonomi setempat dan antarabangsa (England) serta melibatkan kajian oleh institutsi pengajian tinggi tersohor. Spesies endemik ini dijangka boleh mencapai ketinggian sehingga 20 meter apabila matang dan telah dinamakan bersempena dengan nama Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia ke-22, YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim.

The announcement of the new spp of Resak in 2016 named Resak abdulrahman or scientific name Vatica abdulrahmaniana marked another history in forestry when it became one of the world unique species found only in the Kledang Saiong Forest Reserve, Perak. This unique species was identified by researchers during their long-term monitoring of endangered species activities in Peninsular Malaysia through a project conducted by the Forest Research Institute Malaysia (FRIM) in 2009. The project involved various local and international (England) taxonomist and including many studies conducted by renowned institutions of higher learning. This endemic species is anticipated to reach 20 meters in height when matured and had been named after YBhg. Dato'Sri Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, the 22nd Director-General of Forestry Peninsular Malaysia.

Bagi memperhebatkan lagi pencapaian pembangunan sektor perhutanan di Semenanjung Malaysia di tahun-tahun hadapan, adalah diharapkan penggunaan model aplikasi berteraskan ICT terus digalakkan dan dipertingkatkan. Sepanjang tahun 2016, Sistem Aplikasi Forest Monitoring Using Remote Sensing (FMRS) Plus 5 dan Sistem Pembangunan Info Perhutanan (SiP) telah dimantapkan oleh JPSM berasaskan aplikasi atas talian selaras dengan perkembangan teknologi ICT yang moden serta terkini. FMRS Plus 5 dibangunkan untuk mengesan dan memantau perubahan kawasan hutan di dalam HSK di Semenanjung Malaysia dengan menggunakan imej satelit yang beresolusi tinggi serta disokong oleh lima (5) komponen tambahan/sokongan, manakala SiP pula digunakan untuk mengumpul segala data dan maklumat perhutanan di peringkat IPJPSM dan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) bagi memantapkan pembuatan sesuatu keputusan.

In further strengthening the development of the forestry sector in Peninsular Malaysia for the years ahead, the use of ICT-based application models is continuously encouraged and emphasised. In line with the development of modern and latest ICT technology, the Forest Monitoring Using Remote Sensing (FMRS) Plus 5 Application System and the Forestry Development Info System (SiP) based on on-line applications were strengthened by FDPM in 2016. FMRS Plus 5 used high definition satellite images and was supported by five (5) additional/supporting components developed to detect and monitor changes of PRFs in Peninsular Malaysia. Meanwhile, SiP which accumulated forestry data and information at FDPMHq and State Forestry Departments (SFDs) is used to strengthen decision making. With these systems, data and information can be obtained faster, consistent and timely for the implementation of forestry activities such as effective

Dengan penggunaan sistem berkomputer ini, data dan maklumat yang diperlukan dapat dicapai dengan lebih cepat, konsisten dan sahih untuk digunapakai dalam melaksanakan aktiviti perancangan, pengurusan, pembangunan, pentadbiran dan penguatkuasaan hutan dengan lebih mantap. Sistem Aplikasi FMRS Plus 5 telah dinobatkan tempat ketiga dalam Anugerah Inovasi Perdana Menteri Dan Sektor Awam 2016 pada 15 Disember 2016.

planning, management, development, administration and enforcement. The FMRS Plus 5 Application System won third placing in the Innovation Award of the Prime Minister and the Public Sector 2016 on 15th December 2016.

Dalam mengarusperdanakan tatacara pengurusan dan peraturan berkaitan pelaksanaan amalan pengurusan hutan secara lestari, JPSM berjaya menggubal dan mengeluarkan empat (4) Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM) sepanjang tahun 2016 iaitu (i) Panduan Amalan Baik Hutan untuk Penguhahasilan Kayu Kayan Kerajaan;(ii) Garis Panduan Penggunaan Jentera Log Fisher dalam Pengusahasilan Hutan Darat Asli dalam Hutan Simpanan Kekal; (iii) Panduan Pengkompaunan Kesalahan Industri Berasas Kayu (IBK) di Semenanjung Malaysia; dan (iv) Garis Panduan Perisikan Perhutanan. Pekeliling-pekeliling ini digubal untuk menyeragamkan kawalan ke atas pengusahasilan hutan Tanah Kerajaan, panduan dan sumber rujukan penggunaan sistem logfishing dalam pengusahasilan Hutan Darat Asli dalam HSK, panduan pengkompaunan kesalahan IBK mengikut Enakmen Industri Berasas Kayu 1986 (Pindaan 2009) dan menerangkan kaedah pelaksananaan tugasan perisikan perhutanan. Kesemua Pekeliling KPPSM ini adalah bertujuan untuk meningkatkan Sistem Penyampaian JPSM kepada pelanggan-pelanggannya.

In order to mainstreaming the management procedures and regulations relevant to the implementation of SFM, FDPM had successfully formulated and issued a total of four (4) Director-General of Forestry Peninsular Malaysia's (DGPM's) Circulars in 2016, namely (i) Procedures on Good Forest Practices for Harvesting Government Timbers;(ii) Guidelines on the Use of Log Fisher in Harvesting of Natural Forest in Permanent Reserved Forest; (iii) Procedures on Compounding Wood-based Industry Offences in Peninsular Malaysia; and (iv) Guidelines on Forestry Intelligence. These circulars were formulated to standardise control on harvesting activities in State Land Forest, guidelines and references for logfishing harvesting systems in Natural Inland Forest in PRF, guidelines on compound for wood-based industry offences in accordance to the Wood-based Industry Enactment 1986 (Amended 2009) and the explanations on the implementation methods of forestry intelligence. The purpose of all these DGPM's Circulars is to improve FDPM's Delivery System to her clients.

Wawasan JPSM untuk menjadi sebuah agensi terunggul dalam pengurusan hutan tropika secara lestari akan terus menjadi fokus utama tugas dan tanggungjawab warga kerja perhutanan JPSM. Pegawai-pegawai perhutanan digalakkan melibatkan diri secara aktif di dalam pelbagai forum perhutanan sama ada di peringkat tempatan, serantau dan antarabangsa di sepanjang tahun 2016. Diantaranya ialah 3rd Asia Pacific Forestry Week, 6th ASEAN Regional Knowledge Network on Forest Law Enforcement and Governance (ASEAN FLEG), 2nd Meeting of the APFNet Board of Director and Council, 12th Meeting of the ASEAN Expert Group on the International Forest Policy Processes (AEG-IFPP),10th Meeting of the ASEAN Social Forestry Network (ASFN), 23rd Committee on Forestry (COFO), 19th Meeting of the ASEAN Senior Officials on Forestry (ASOF) and Its Related Meeting dan 52nd International Tropical Timber Council and Associated Sessions of the Committees. Selain itu, pegawai JPSM juga terlibat secara aktif dalam 2016 China-ASEAN Cooperation in Forestry Forum, 38th Meeting of the ASEAN Ministers on Agriculture and Forestry (AMAF) and the AMAF Plus Three (AMAF+3), 22nd Conference of Parties to the United Nations Framework Convention on Climate Change (COP-22) and the 12th Conference of the Parties Serving as the

FDPM's vision to be the agency of excellence in sustainable management of tropical forest will remained as the main task and responsibility of FDPM's forestry staffs. Forestry officers were encouraged to participate actively in various fora at local, regional and international levels throughout 2016. Among these being the 3rd Asia Pacific Forestry Week, 6th ASEAN Regional Knowledge Network on Forest Law Enforcement and Governance (ASEAN FLEG), 2nd Meeting of the APFNet Board of Director and Council, 12th Meeting of the ASEAN Expert Group on the International Forest Policy Processes (AEG-IFPP),10th Meeting of the ASEAN Social Forestry Network (ASFN), 23rd Committee on Forestry (COFO), 19th Meeting of the ASEAN Senior Officials on Forestry (ASOF) and Its Related Meeting and 52nd International Tropical Timber Council and Associated Sessions of the Committees. Besides these, officers from FDPM also actively participated in the 2016 China-ASEAN Cooperation in Forestry Forum, 38th Meeting of the ASEAN Ministers on Agriculture and Forestry (AMAF) and the AMAF Plus Three (AMAF+3), 22nd Conference of Parties to the United Nations Framework Convention on Climate Change (COP-22) and the 12th Conference of the Parties Serving as the Meeting of the parties to the Kyoto Protocol (CMP-12) and 13th Conference

Meeting of the parties to the Kyoto Protocol (CMP-12) dan 13th Conference of Parties to the Convention of Biological Diversity (COP13 CBD) and the Concurrent Meetings of the Parties of the Cartagena and Nagoya Protocols. Pendedahan di peringkat antarabangsa ini amat penting kepada setiap Pegawai Perhutanan bagi tujuan penggubalan masa depan beberapa pelan baru strategik perhutanan dan penerokaan aktiviti atau projek yang berpotensi untuk memajukan perhutanan di samping untuk mendapat pembiayaan luar dalam pelaksanaan pengurusan hutan secara lestari pada masa hadapan.

of Parties to the Convention of Biological Diversity (COP13 CBD) and the Concurrent Meetings of the Parties of the Cartagena and Nagoya Protocols. These international exposures were very crucial to all forestry officers for formulating future new forestry strategic plans and the assessment of any new activities or projects for the advancement of forestry as well as in securing external funding for the implementation of future sustainable forest management.

Pada 16 September 2016, ketika rakyat Malaysia menyambut Hari Malaysia yang ke-53, kita telah dikejutkan dengan insiden kebakaran Bangunan Blok Chengal, IPJPSM di mana menempatkan Bahagian-bahagian penting seperti Bahagian Pengurusan Maklumat, Bahagian Khidmat Pengurusan, Perpustakaan dan Pejabat Direktorat. Blok ini berumur lebih 10 tahun. Insiden ini telah menyebabkan pelbagai kesulitan dan gangguan kepada operasi harian JPSM memandangkan kebakaran melibatkan sistem berkomputer, perkakasan dan peralatan ICT JPSM termasuklah gangguan kepada talian telefon, emel dan faks serta perkhidmatan utiliti yang lain. Kesan kebakaran ini telah menyebabkan keseluruhan Blok Chengal tidak dapat berfungsi dan telah dikosongkan sepenuhnya. Kerja-kerja membaik pulih Blok Chengal telah dimulakan oleh pihak kontraktor yang dilantik secara terus di bawah Arahan Perbendaharaan (AP55) dan dijangka siap pada April 2017. Sementara itu, Bahagian-bahagian tersebut beroperasi secara sementara di Blok Damar Minyak, IPJPSM dan akan beroperasi penuh di bangunan baru kelak.

During the 53rd Malaysia Day Celebration celebrated by Malaysians on 16th September 2016, we were awakened by a fire incident that occurred at Chengal Block, FDPMHq that housed important Divisions, namely the Information Management Division, Management Services Division, Library and the Directorate Offices. This building block aged above 10 years. This fire incident resulted many difficulties and disruptions to FDPM's daily operations as the fire destroyed the computer systems, hardware and ICT equipment including disruptions to the telephone lines, emails and faxes as well as other utility services. The fire caused the whole operations at the Block Chengal to be inoperable and completely vacated. The refurbishment of Chengal Block was undertaken by contractor directly appointed under the Treasury Instructions (AP55) and is expected to be completed by April 2017. Meanwhile, all affected Divisions are temporarily operating at the Damar Minyak Block, FDPMHq and hope to be fully operational in the new refurbished building.

Sebagai menutup tirai tahun 2016, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah di atas kecemerlangan yang dicapai oleh JPSM sepanjang tahun 2016, di antaranya pengekalan penarafan 5 bintang bagi laman web rasmi JPSM dalam Provider-Based Evaluation (ProBE) selama 5 tahun berturut-turut sejak tahun 2011; memenangi tempat ketiga Anugerah Inovasi Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (AIICT) bagi Sistem Aplikasi FMRS Plus 5 di dalam Majlis Anugerah Inovasi Perdana Menteri Dan Sektor Awam 2016; dan memenangi tempat pertama dalam Pertandingan Koir Sempena Program Seni Budaya MPSJ 2016. Kesemua pencapaian ini dizahirkan hasil dari sifat muafakat dan bekerja berpasukan semua lapisan warga kerja perhutanan JPSM. Dalam hubungan ini, sukalah saya merakamkan sekali lagi sekalung penghargaan kepada semua warga kerja perhutanan JPSM yang telah memberikan sumbangan dan komitmen tinggi yang berterusan dalam usaha Jabatan mencapai kecemerlangan tersebut sepanjang tahun 2016. Semoga kejayaan yang dikecapi pada tahun 2016 ini akan dijadikan sebagai pemangkin dan pembakar semangat kepada semua warga kerja perhutanan JPSM untuk terus komited dan proaktif

As the year 2016 comes to an end, let me take this opportunity to express my sincere thanks and congratulations to the excellent achievements by FDPM during 2016. Among others included are retaining 5-star rating for the Department's official website in the Provider Based Evaluation (ProBE) for five (5) consecutive years since 2011; third placing in the Information and Communication Technology Innovation Award (AIICT) for FMRS Plus 5 Application System during the Ceremony of the Innovation Award of the Prime Minister and the Public Sector 2016; and first placing in the Choir Competition in conjunction with the MPSJ Cultural Arts Programme 2016. All these achievements are attributed to the close cooperation and teamwork of all levels of FDPM's forestry staffs. In this respect, I would like to express once again my heartfelt appreciations to all FDPM's forestry staffs who had highly contributed and continually committed to the Department's goals to attain these achievements in 2016. I hope all these achievements in 2016 will serve as a catalyst, inspiration and spirit to all FDPM's forestry staffs to be continuously committed and proactive to ensure

dalam menjadikan JPSM sebagai satu-satunya Agensi Terunggul Dalam Pengurusan Hutan Secara Lestari.

that FDPM serves as the sole Agency of Excellence in Sustainable Forest Management.

Tahun 2016 ini merupakan juga tahun terakhir saya menjawat jawatan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM) dan harapan saya agar kejayaan dan pengalaman yang dilalui di sepanjang saya menerajui dapat memperlengkapkan kesiapsiagaan warga kerja perhutanan JPSM berhadapan tahun 2017. Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak, terutama sekali NRE, agensi di bawah NRE dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGOs) di atas segala kerjasama dan sokongan yang telah diberikan kepada JPSM sepanjang tahun 2016.

The year 2016 is my last year as the Director-General of Forestry Peninsular Malaysia (DGFPM) and I really hoped that all achievements and experiences gained during my tenureship as the DGFDPM will equipped all FDPM's forestry staffs with preparedness to face 2017. At this juncture, allow me to record my sincere thanks to all parties, especially NRE, all agencies under NRE and Non-Governmental Organisations (NGOs) for all their cooperations and support rendered to FDPM throughout 2016.

Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memastikan Laporan Tahunan JPSM 2016 berjaya diterbitkan. Semoga Laporan Tahunan JPSM 2016 ini dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya oleh pelbagai pihak. Saya amat yakin bahawa JPSM boleh terus maju ke hadapan dengan berbekalan semangat bahawa 'ANDA BOLEH, SAYA BOLEH, KITA BOLEH, JPSM BOLEH' dan sekaligus dapat merealisasikan masa depan JPSM yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang sejajar dengan aspirasi Kerajaan Malaysia untuk mencapai 'Negara Maju dan Berpendapatan Tinggi' menjelang tahun 2020.

I would like to take this opportunity to express my sincere appreciations to all the parties involved directly or indirectly in ensuring the successful publication of this FDPM Annual Report 2016. It is my humble hope that this annual report will be most beneficial to all parties. I am fully confident that FDPM will continue to move forward coupled with the working aspiration of 'YOU CAN, I CAN, WE CAN, FDPM CAN' and thus able to realise the future of FDPM with more excellence, glorious and distinction in line with the aspirations of the Malaysian Government to achieve 'Developed Nation with High Income' by 2020.

Semoga Allah S.W.T. sentiasa memberkati dan merahmati ke atas segala usaha anda.
May Allah S.W.T. always bless His mercy upon your undertakings.

Sekian, terima kasih.
Thank you.

(DATO' SRI DR. HJ. ABD. RAHMAN BIN HJ. ABD. RAHIM)
Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia
Director-General of Foresry Peninsular Malaysia

Fungsi Direktorat

Functions of the Directorate

Ahli direktorat terdiri daripada Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia dan dibantu oleh dua (2) orang Timbalan Ketua Pengarah. Direktorat bertanggungjawab dalam penggubalan dan pelaksanaan dasar-dasar, strategi-strategi dan objektif-objektif Jabatan serta menyelaras kerja-kerja pentadbiran, pengurusan, pembangunan dan pemeliharaan sumber hutan selaras dengan keperluan negara.

The Directorate comprises the Director-General of Forestry Peninsular Malaysia and is assisted by two (2) Deputy Director-Generals. They are responsible for the formulation and implementation of policies, strategies and objectives of the Department, as well as in coordinating the administration, management, development and conservation of the forest resources to meet the needs of the country.

AHLI-AHLI DIREKTORAT / *MEMBERS OF THE DIRECTORATE*

Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia
Director-General of Forestry Peninsular Malaysia
DATO' SRI DR. HJ. ABD. RAHMAN BIN HJ. ABD. RAHIM

Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan
(Dasar dan Perancangan)
Deputy Director-General of Forestry
(Policy and Planning)
DATO' HJ. NOR AKHIRRUDIN BIN MAHMUD

Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan
(Operasi dan Teknikal)
Deputy Director-General of Forestry
(Operations and Technical)
DATUK BORHANUDIN BIN HJ. ARSHAD

PENGARAH BAHAGIAN / KETUA UNIT, IPJPSM
DIVISION DIRECTORS / HEADS OF UNIT, FDPMHq

Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan
Forest Planning and Economics Division
SHASHIAH BINTI ABDUL KARIM

Bahagian Pengurusan Hutan
Forest Management Division
MOHD RIDZA BIN AWANG
(mulai / *since* 08.08.2016)

Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan
Silviculture and Forest Biodiversity Conservation Division
DATO' AZMI BIN NORDIN
(mulai / *since* 15.07.2016)

Bahagian Ladang Hutan dan Perlindungan Hutan
Forest Plantation and Protection Division
DATO' LIM KEE LENG

Bahagian Latihan Perhutanan
Forestry Training Division
MOHD NASIR BIN ABU HASSAN
(mulai / *since* 15.07.2016)

Bahagian Forest Eco-Park dan Hutan Taman Negeri
Forest Eco-Park and State Park Forest Division
DR. MOHD HIZAMBRI BIN MOHD YASIN
(mulai / *since* 01.08.2016)

Bahagian Penguatkuasaan Hutan
Forest Enforcement Division
MOHD NIZUM BIN MOHD NOR

Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa
International Affairs Division
DATO' NORHAIDI BIN YUNUS



Bahagian Kejuruteraan Hutan
Forest Engineering Division
AJIS BIN SITIN

Bahagian Pengurusan Maklumat
Information Management Division
MOHAMAD SABRI BIN SALEH
(mulai / *since* 01.08.2016)

Bahagian Teknikal dan Industri Kayu
Technical and Wood Industry Division
ZAMRI BIN MOHD TUKIRAN

Bahagian Khidmat Pengurusan
Management Services Division
IDA ILYANA BINTI OMAR

Bahagian Perundangan dan Pendakwaan
Legal and Prosecution Division
FAZILAH BINTI MANSOR

Unit Integriti Perhutanan
Forestry Integrity Unit
HAIRUZAM BIN MOHMAD AMIN@
HAMIM (mulai / *since* 03.05.2016)

Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam
Corporate Communication and Public Relations Unit
MOHD YUSSAINY BIN MD YUSOP

PENGARAH PERHUTANAN NEGERI
STATE DIRECTORS OF FORESTRY

PAHANG
DATO' MOHD PAIZ BIN KAMARUZAMAN

PERAK
DATO' ROSLAN BIN ARIFFIN

JOHOR
MOHD RIDZA BIN AWANG
(sehingga / *until* 07.08.2016)

TERENGGANU
DATO' AHMAD FADZIL BIN ABDUL MAJID
(mulai / *since* 15.07.2016)

KELANTAN
DATO' ZAHARI BIN IBRAHIM

KEDAH
KU AZMI BIN KU AMAN

SELANGOR
DR. MOHD PUAT BIN DAHALAN

NEGERI SEMBILAN
SALIM BIN AMAN

PERLIS
NOR AZIRIM BIN AHMAD

PULAU PINANG
RUSLI BIN TAHIR

WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
AG. SHAFFIE BIN AG AHMADNI

MELAKA
MUHAMMAD NUROZI BIN MOHD YUSOFF

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2015

Excellent Service Awards 2015

Seramai 39 orang staf Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang JPSM 2015

A total of 39 staffs of the Forestry Department Peninsular Malaysia Headquarters had received the Excellent Service Awards FDPM 2015

Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia bergambar bersama-sama dengan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang JPSM 2015 bersempena Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang NRE 2015
Director-General of Forestry Peninsular Malaysia posing together with Excellent Service Award FDPM 2015 recipients in conjuction with NRE Excellent Service Awards 2015 ceremony

KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL / *MANAGERIAL AND PROFESSIONAL GROUP*

Bil. *No.*	Nama *Name*	Skim *Scheme*	*Gred* *Grade*	Bahagian / Unit *Division / Unit*
1	Nurahim bin Abd Rahim	Pegawai Siasatan *Investigation Officer*	P54	Integriti Perhutanan *Forestry Integrity*
2	Jeffri bin Abd. Rashid	Pemelihara Hutan *Conservator of Forest*	G52	Jabatan Perhutanan Negeri Johor *Johore State Forestry Department*
3	Samsu Anuar bin Nawi	Pemelihara Hutan *Conservator of Forest*	G48	Ladang Hutan dan Perlindungan Hutan *Forest Plantation and Protection*
4	Sulahi @ Suhaili bin Rosli	Pemelihara Hutan *Conservator of Forest*	G48	Jabatan Perhutanan Negeri Pahang *Pahang State Forestry Department*
5	Sheikh Abu Bakar bin Ahmad	Pemelihara Hutan *Conservator of Forest*	G44	Latihan Perhutanan *Forestry Training*
6	Faizah binti Mohamad	Jurutera Awam *Civil Engineer*	J44	Kejuruteraan Hutan *Forest Engineering*
7	Siti Nawwar binti Zainudin	Pegawai Tadbir dan Diplomatik *Administrative and Diplomatic Officer*	M44	Khidmat Pengurusan *Management Services*

8	Mohd Farid bin Mahfar	Pegawai Sistem Maklumat *System Analyst*	F44	Pengurusan Maklumat *Information Management*
9	Khairunnisa binti M.Mamat	Pemelihara Hutan *Conservator of Forest*	G41	Ladang Hutan dan Perlindungan Hutan *Forest Plantation and Protection*
10	Juliana binti Yahya	Pemelihara Hutan *Conservator of Forest*	G41	Ladang Hutan dan Perlindungan Hutan *Forest Plantation and Protection*
11	Lydia Suzieana binti Mohammad	Pegawai Ehwal Ekonomi *Economist*	E41	Perancangan dan Ekonomi Hutan *Forest Planning and Economics*
12	Aminuddin bin Suhaimi	Jurutera Awam *Civil Engineer*	J41	Kejuruteraan Hutan *Forest Engineering*

KUMPULAN PELAKSANA I / *SUPPORTING GROUP I*

Bil. *No.*	**Nama** *Name*	**Skim** *Scheme*	***Gred*** *Grade*	**Bahagian / Unit** *Division / Unit*
1	Mohd Ruba'ai bin Sarpin	Penolong Pemelihara Hutan *Assistant Conservator of Forest*	G36	Penguatkuasaan Hutan *Forest Enforcement*
Article 74(2) of Federal Constitution related with List II in the Ninth Schedule of Federal Constitution provides that forest is under the jurisdiction of the state. Under this provision, the Legislature of a State may make laws and regulations for the administration and management of forestry matters in the state. Federal Government only provides advice and technical assistance to the states, maintenance of trail stations and demonstration stations, training and research.

According to Article 91(5) of Federal Constitution, the functions of the National Land Council (NLC) to formulate from time to time, a national policy for the promotion and control of the utilisation of land throughout the Federation for mining, agriculture, forestry or any other purpose, and for the administration of any laws relating there to; and the Federal and State Governments shall follow the policy so formulated.

II. DASAR DAN PERUNDANGAN

Pada tahun 1977, Dasar Perhutanan Negara (DPN) telah diluluskan oleh MPN dan kemudian disahkan oleh MTN pada 19 April 1978. Dasar tersebut telah dikaji semula pada 10 November 1992 atas kesedaran yang ditunjukkan oleh masyarakat dunia terhadap kepentingan pemeliharaan kepelbagaian biologi dan penggunaan sumber genetik secara berkekalan serta peranan masyarakat dalam pembangunan perhutanan. Penerimaan dasar tersebut merupakan suatu kejayaan memperkukuhkan asas perlembagaan dan mengeratkan kerjasama dan persefahaman di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam pembangunan sektor perhutanan.

II. POLICY AND LEGISLATIONS

In 1977, the National Forestry Policy (NFP) was approved by the NFC and later endorsed by the NLC on 19th April 1978. This Policy was revised on 10th November 1992 to take cognisance of the concern expressed by the world community on the importance of biological diversity conservation and the sustainable utilisation of genetic resources, as well as the role of local communities in forest development. The acceptance of the Policy is a major breakthrough in strengthening the institutional base and enhances the cooperation and understanding between the Federal and State Governments in the field of forestry sector development.

Antara Dasar yang berkaitan adalah :

- Dasar Pertanian Negara Ke-3 (1998-2010);
- Pelan Induk Perindustrian Ke-2 (1996-2005);
- Pelan Eko-pelancongan Kebangsaan;
- Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan; dan
- Dasar Alam Sekitar Negara.

Selain daripada Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993) dan Akta Industri Berasas Kayu 1984 terdapat juga undang-undang lain yang penting dan ada kaitan dengan sektor perhutanan seperti :

- Akta Kanun Tanah Negara Negara (Pindaan) 2016;
- Akta Keterangan 1950;
- Akta Prosedur Kewangan 1967 (Pindaan 1993);
- Akta Bekalan Elektrik 1990;
- Akta Orang Asli 1954;
- Akta Pendaftaran Perniagaan 1956;
- Akta Perlindungan Tanah 1960;
- Akta Pemulihan Tanah 1960;
- Akta Perkongsian 1961;
- Akta Syarikat 2016;
- Akta Kilang dan Jentera 1967;
- Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia 1973;
- Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Pindaan 1995);
- Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974;
- Akta Kerajaan Tempatan 1976;
- Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976;
- Akta Taman Negara 1980 (Pindaan 1983);
- Akta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016;
- Akta Biokeselamatan 2007;
- Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008; dan
- Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010.

The Policies related are :

- *Third National Agricultural Policy (1998-2010);*
- *Second Industrial Master Plan (1996-2005);*
- *National Eco-Tourism Plan;*
- *National Biodiversity Policy; and*
- *National Policy on the Environment.*

Other legislation which are considered of major importance to the forestry sector apart from the National Forestry Act, 1984 (Amendment 1993) and the Wood-based Industries Act, 1984 are as follows :

- *National Land Code (Amendment) 2016;*
- *Evidence Act 1950;*
- *Financial Procedure Act 1967 (Amendment 1993);*
- *Electricity Supply Act 1990;*
- *Aboriginal Peoples Act 1954;*
- *Registration of Business Act 1956;*
- *Land Protection Act 1960;*
- *Land Conservation Act 1960;*
- *Partnership Act 1961;*
- *Companies Act 2016;*
- *Factories and Machinery Act 1967;*
- *Malaysian Timber Industry Board Act 1973;*
- *Environmental Quality Act 1974 (Amendment 1995);*
- *Street, Drainage and Building Act 1974;*
- *Local Government Act 1976;*
- *Town and Country Planning Act 1976;*
- *National Park Act 1980 (Amendment 1983);*
- *Forest Research Institute Malaysia Act 2016;*
- *Biosafety Act 2007;*
- *International Trade in Endangered Species Act 2008; and*
- *Wildlife Conservation Act 2010.*

IMBASAN SEPANJANG TAHUN 2016
YEAR UNDER REVIEW 2016

SUMBER HUTAN

Pada akhir tahun 2016, kawasan berhutan di Semenanjung Malaysia merangkumi 5.77 juta hektar atau 43.8% daripada jumlah keluasan tanah 13.18 juta hektar.

Daripada jumlah ini, seluas 4.82 juta hektar telah diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK) di bawah Akta Perhutanan Negara, 1984. Kawasan HSK ini diuruskan di bawah prinsip pengurusan hutan secara berkekalan untuk kepentingan ekonomi, sosial dan alam sekitar.

FOREST RESOURCES

At the end 2016, forested land accounted for 5.77 million hectares or 43.8% of Peninsular Malaysia's total land area of 13.18 million hectares.

Out of this total, 4.82 million hectares have been gazetted as Permanent Reserved Forests (PRFs) under the National Forestry Act, 1984. These PRFs are managed under the sustainable forest management principles practices for economic, social and environmental benefits.

PENGURUSAN SUMBER HUTAN

Sumber hutan asli di dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang terdiri daripada Hutan Darat, Hutan Paya Gambut dan Hutan Paya Laut telah diuruskan secara sistematik selama 115 tahun semenjak 1901.

Pensijilan pengurusan hutan adalah merupakan satu aktiviti yang penting di peringkat antarabangsa, khususnya dalam perdagangan produk-produk kayu-kayan. Ianya merupakan satu pengiktirafan sepenuhnya pematuhan kepada amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB) di dalam kawasan HSK di negeri-negeri Semenanjung Malaysia yang diuruskan untuk tujuan pengeluaran kayu-kayan.

Kriteria dan Petunjuk untuk Pensijilan Pengurusan Hutan [MC&I (2002)] di Malaysia merupakan standard yang digunakan untuk menilai aktiviti pengurusan dan pembangunan hutan di peringkat Unit Pengurusan Hutan (FMU) untuk tujuan pensijilan. Standard MC&I (2002) ini telah dikemaskini semula selaras dengan hasil daripada maklumbalas dan pengalaman pelaksanaannya di lapangan dan telah digantikan dengan Standard MC&I (Hutan Asli) di bawah *Programme for The Endorsement of Forest Certification Schemes* (PEFC) *melalui Malaysian Timber Certification Scheme* (MTCS) dan diguna pakai mulai Januari 2013.

Pada tahun 2016, enam (6) FMU iaitu Kedah, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Selangor dan Terengganu telah berjaya mengekalkan Sijil Pengurusan Hutan di bawah skim MTCS.

FOREST RESOURCE MANAGEMENT

Natural forest resources especially those found within the Permanent Reserved Forests (PRFs) areas which includes Inland Forest, Peat Swamp Forest and Mangrove Forest have been managed systematically for the last 115 years since the year 1901.

Forest management certification is an important activity at the international level, especially in the trade of timber products. It is in recognition of the full adherence to Sustainable Forest Management (SFM) practices in PRFs in the states of Peninsular Malaysia being managed for timber production.

The Malaysian Criteria and Indicators [MC&I (2002)] are standards adopted to assess management activities and forest development at Forest Management Unit (FMU) level for certification purposes. This Standard MC&I (2002) have been updated in line with the results of the feedback and experience of its implementation in the field and was replaced by Standard MC&I (Natural Forest) under the Programme for The Endorsement of Forest Certification Schemes (PEFC) through the Malaysian Timber Certification Scheme (MTCS) and applicable from January 2013.

In year 2016, six (6) FMUs namely Kedah, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Selangor and Terengganu has managed to retain the Certificate for Forest Management under MTCS.

PENGURUSAN SUMBER HUTAN

Sejumlah RM13.5 juta atau 99.2% daripada jumlah peruntukan tahunan di peringkat Persekutuan telah dibelanjakan dalam tahun 2016.

Di peringkat Negeri pula, sejumlah RM31.4 juta atau 91.3% daripada jumlah peruntukan tahunan telah dibelanjakan.

FOREST RESOURCE MANAGEMENT

A total of RM13.5 million representing 99.2% of the annual Federal allocation was spent in 2016.

At the State level, a total of RM31.4 million representing 91.3% of the annual allocation was spent.

Peruntukan dan Perbelanjaan Pembangunan Hutan, 2016 (RM)
Forest Development Allocation and Expenditure, 2016 (RM)

Persekutuan / *Negeri* Federal / *State*	Peruntukan *Allocation*	Perbelanjaan *Expenditure*	Peratus *Percent (%)*
Persekutuan / *Federal*	13,579,510	13,476,927	99.2
Negeri / *State*	34,355,120	31,370,611	91.3
Jumlah / *Total*	**47,934,630**	**44,847,538**	**93.6**

PEMULIHARAAN HUTAN DAN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR

Pemuliharaan Hutan Pesisiran Pantai

Sehingga tahun 2016, pencapaian keseluruhan penanaman adalah sebanyak 6.49 juta anak pokok yang meliputi kawasan seluas 2,711 hektar telah ditanam di bawah Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-Spesies yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara.

Sejumlah 86 kempen kesedaran telah diadakan di bawah program ini di seluruh negara. Kempen ini melibatkan seramai 11,423 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan hutan pesisiran pantai serta memupuk semangat 'milik bersama' terhadap kesejahteraan alam sekitar.

Demi meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk memelihara dan memulihara ekosistem Hutan Paya Laut termasuk kawasan pesisiran pantai dalam memastikan kelangsungan peranan serta sumbangannya kepada kesejahteraan masyarakat sejagat, buat julung kalinya satu sambutan peringkat kebangsaan telah diadakan

FOREST CONSERVATION AND ENVIRONMENTAL PROTECTION

Coastal Forest Conservation

By the end of 2016, a total of 6.49 million seedlings were planted covering an area of 2,711 hectares under the Programme for the Planting of Mangroves and Other Suitable Tree Spesies Along the National Coastline.

A total of 86 awareness campaigns were conducted under this programme throughout the country. This campign involved a total of 11,423 participants from various communities with the purpose to enhance public awareness on the importance of coastal forest as well as to instill the spirit of 'common ownership' for environmental wellbeing.

In its endeavour to increase awareness among the communities to conserve and preserve the Mangroves ecosystems including the coastlines as well as to ensure the continuing role and contributions to the livelihood of the global community, the first initiated national celebration with the theme 'Mangroves for Community' was

pada 18 Ogos 2016 yang bertema "Hutan Paya Laut Untuk Kesejahteraan Masyarakat" bertempat di Hutan Eko-Pelajaran Hutan Paya Laut Matang, Kuala Sepetang, Perak.

held on 18th August 2016 at the Matang Mangrove Forest Eco-Education Centre, Kuala Sepetang, Perak.

Pihak Jabatan juga telah menerbitkan Laporan Tahunan Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-Spesies yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara 2015 pada tahun ini.

The Department also published the Annual Report of the Planting of Mangroves and Other Suitable Tree Spesies Along the National Coastline 2015.

PENGUSAHASILAN HUTAN

FOREST HARVESTING

Kawasan Dilesenkan untuk Pengusahasilan

Area Licensed for Harvesting

Seluas 36,572 hektar kawasan HSK yang diurus berdasarkan Amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan telah diusahasilkan pada tahun 2016. Keluasan ini merupakan 83.7% daripada jumlah Catuan Tebangan Tahunan yang ditetapkan iaitu 43,699 hektar. Selain daripada itu, Hutan Tanah Kerajaan seluas 15,061 hektar dan Tanah Berimilik seluas 10,683 hektar turut diusahasilkan.

An area of 36,572 hectares of PRFs that was managed based on Sustainable Forest Management practices were harvested in 2016. This represented 83.7% of the total Annual Allowable Cut approved amounting to 43,699 hectares. In addition, an area of 15,061 hectares of State Land Forest and 10,683 hectares of Alienated Land were also harvested.

Kawasan Dilesenkan untuk Pengusahasilan, 2016 (Hektar)
Area Licensed for Harvesting, 2016 (Hectares)

Jenis Hutan *Forest Type*	Hektar *Hectares*	Peratus *Percent (%)*
Hutan Simpanan Kekal / *Permanent Reserved Forest*		
• CTT / *ACC*	36,572	38.5
• Luar CTT* / *Outside AAC**	32,615	34.4
Hutan Tanah Kerajaan / *State Land Forest*	15,061	15.9
Tanah Berimilik / *Alienated Land*	10,683	11.2
Jumlah / *Total*	**94,931**	**100.0**

* Kawasan HSK yang diusahasil secara tebang habis untuk tujuan penyelidikan, pembangunan dan perladangan hutan
* *PRF clear-felled for research, development and forest plantation.*

PENGELUARAN

Dalam tahun 2016, pengeluaran hasil kayu terpilih mencatatkan peningkatan iaitu kayu balak (2.5%), dan venier (38.7%). Manakala pengeluaran kayu gergaji, papan lapis dan kayu kumai mencatatkan pengurangan masing-masing sebanyak 1.1%, 14.5% dan 9.3%.

PRODUCTION

In 2016, the production of selected timber products such as log (2.5%), and veneer (38.7%) recorded increases. Meanwhile, the production of sawn timber, plywood and moulding recorded decreases of 1.1%, 14.5% and 9.3% respectively.

Pengeluaran Hasil Kayu Terpilih (m^3)
Production of Selected Timber Products (m^3)

Industri *Industry*	2016	2015	Perubahan Tahunan *Annual Change 2016/2015 (%)*
Kayu Balak / *Log*	4,450,784	4,340,614	2.5
Kayu Gergaji / *Sawn Timber*	2,484,569	2,511,256	-1.1
Papan Lapis / *Plywood*	364,247	425,796	-14.5
Venier / *Veneer*	93,854	67,688	38.7
Kayu Kumai / *Moulding*	71,900	79,277	-9.3

INDUSTRI BERASAS KAYU

Sebanyak 1,873 kilang pemprosesan berasaskan kayu berlesen telah direkodkan pada tahun 2016. Daripada tujuh (7) jenis industri yang disenaraikan mengikut jadual di bawah, kilang perabot / kilang kerja kayu / pertukangan dan tanggaman telah mencatatkan bilangan terbesar dan dikuti oleh kilang papan.

WOOD-BASED INDUSTRIES

A total of 1,873 licensed wood-based processing mills were recorded in 2016. Out of the seven (7) types of industries listed in the following table, the furniture / wood working / carpentry and joinery were the largest, followed by sawnmills.

Bilangan Industri Berasas Kayu Utama 2016
Number of Major Wood-Based Industries 2016

Jenis Industri *Types of Industries*	Bilangan *Number*
Kilang Papan / *Sawmill*	652
Kilang Papan Lapis dan Venier / *Plywood and Veneer Mill*	46
Kilang Kayu Kumai / *Moulding Mill*	105
Perabot / Kilang Kerja Kayu / Pertukangan dan Tanggaman* *Furniture / Wood Working / Carpentry and Joinery Mill**	1,060
Kilang Papan Blok* / *Blockboard Mill**	1
Kilang Papan Serpai dan Papan Serpih* *Chipboard and Particleboard Mill**	8
Kilang Papan Gentian Sederhana Padat (MDF) *Medium Density Fibreboard (MDF) Mill*	1

* Merujuk hanya kepada Kilang Perabot, Pertukangan & Tanggaman yang berdaftar dengan JPSM
* *Refers to only registered Furniture, Wood Working & Joinery Factories with FDPM*

SUMBANGAN SOSIOEKONOMI

Sektor perhutanan telah menyumbang sebanyak RM9.17 bilion atau 0.7% daripada jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia sebanyak RM1,230 trilion dalam tahun 2016.

Perdagangan Produk Kayu-Kayan

Pada tahun 2016, jumlah pendapatan eksport produk kayu-kayan Malaysia telah meningkat sebanyak 0.9% kepada RM21.9 bilion berbanding RM21.7 billion pada tahun 2015.

Bagi Semenanjung Malaysia, eksport produk kayu-kayan adalah berjumlah RM5.78 bilion telah mencatatkan peningkatan sebanyak 7.6% berbanding RM5.37 billion pada tahun 2015.

Kutipan Hasil Hutan kepada Kerajaan Negeri

Kutipan hasil hutan diperolehi daripada royalti, premium, ses, kompaun kesalahan hutan, pampasan dan lain-lain caj / fi. Hasil ini telah menyumbang RM439.6 juta kepada kerajaan negeri pada tahun 2016.

Pekerjaan dalam Sektor Perhutanan

Dalam tahun 2016, sektor perhutanan di Semenanjung Malaysia menyediakan sejumlah 35,958 peluang pekerjaan secara langsung dalam pelbagai industri seperti jadual di bawah. Ini mencatatkan penurunan keseluruhan sebanyak 2.9% berbanding 37,046 orang pada tahun 2015.

SOCIOECONOMIC CONTRIBUTIONS

The forestry sector contributed RM9.17 billion or 0.7% of Malaysia's Gross Domestic Product of RM1,230 trillion in 2016.

Timber Products Trade

In 2016, the total export earnings of Malaysian timber products recorded an increase of 0.9% to RM21.9 billion as compared to RM21.7 billion in 2015.

For Peninsular Malaysia, export of timber products amounted to RM5.78 billion, an increase of 7.6% compared to RM5.37 billion in 2015.

Forest Revenue Collection to the State Government

Forest revenues are derived from royalties, premiums, cess, forest offence fines, compensations and other charges / fees. The forest revenue contributed RM439.6 million to the state coffers in 2016.

Employment in the Forestry Sector

In 2016, the forestry sector in Peninsular Malaysia provided direct employment to 35,958 persons in the various industries as stipulated below. This registered an overall decrease of 2.9% as compared to 37,046 persons in 2015.

Guna Tenaga Secara Langsung Dalam Sektor Perhutanan di Semenanjung Malaysia
Total Direct Employment in the Forestry Sector in Peninsular Malaysia

Jenis *Type*	2016	2015	Perubahan Tahunan *Annual Change 2016/2015 (%)*
Pengusahasilan Hutan / *Forest Harvesting*	7,524	6,595	14.1
Kilang Papan / *Sawmill*	15,618	15,867	-1.6
Papan Lapis / Venier / *Plywood / Veneer*	5,325	5,827	-8.6
Kayu Kumai / *Moulding*	2,463	3,119	-21.0
Penjawat Awam / *Public Service*	5,028	5,638	-10.8
Jumlah / *Total*	**35,958**	**37,046**	**-2.9**

Jumlah Pelaburan

Jumlah pelaburan dalam industri kayu gergaji, papan lapis dan kayu kumai di Semenanjung Malaysia berdasarkan nilai harta tetap pada tahun 2016 adalah RM 1.77 bilion. Ia mencatatkan penurunan sebanyak RM 0.22 bilion atau 11.1% berbanding dengan tahun 2015.

Total Investment

The total investment in the sawnmill, plywood and moulding industries in Peninsular Malaysia in terms of fixed assets amounted to RM 1.77 billion in 2016. It recorded a decrease of RM 0.22 billion or 11.1% as compared to 2015.

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Bagi memperkasakan lagi pembangunan sumber manusia di JPSM, sebanyak 1,431 penyertaan telah diterima dan dapat memberi manfaatnya dari pelbagai bidang aktiviti latihan yang meliputi pelbagai bidang seperti kenegaraan, teknikal, pengurusan sumber manusia, pembangunan kendiri, pengurusan kewangan, teknologi dan kaunseling / psikologi sepanjang tahun 2016. Sebanyak 300 kursus dalam dan luar negara mengikut kategori seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah. Ianya termasuk 84 kursus yang dianjurkan oleh IPJPSM.

Selain daripada itu, seramai 28 orang pelatih Kursus Sijil Perhutanan Ranjer Hutan Sesi 2014 / 2016 dan 73 orang pelatih bagi Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan Sesi 2015 / 2016 telah menamatkan latihan mereka di Institut Latihan Perhutanan, Kepong (FORTRAIN) pada tahun 2016. Manakala, seramai 85 orang pelatih Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan Sesi 2016 / 2017 masih menjalani latihan.

HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT

To strengthen the development of human resource in FDPM, a total of 1,431 participations had benefited from the various training activities comprising various fields such as nationhood, technical, human resource management, financial management, information technology and counselling / psychology conducted throughout 2016. This involved the attendance in 300 courses by the staff both at local and international level as shown in the table below. This included 84 courses organised by FDPMHq.

In addition, a total of 28 trainees of the Forestry Ranger Certificate Courses for the 2014 / 2016 Session and 73 trainees of the Forestry Forester Certificate Course for the 2015 / 2016 Session have completed their traning at the Forestry Training Institute, Kepong (FORTRAIN) in 2016. Meanwhile, 85 trainees of the Forestry Forester Certificate Course for the 2016 / 2017 Session are still in training.

Program Latihan 2016
Training Programme 2016

Kategori *Category*	Dalam Negeri *Local*	Luar Negara *International*
Kursus / Lawatan Belajar *Course / Study Tour*	163	5
Seminar / Bengkel / Seminar *Seminar / Workshop / Lab*	63	12
Persidangan / Konvensyen / Simposium / Kolokium *Conference / Convention / Symposium / Coloquium*	12	8
Dialog / Forum *Diologue / Forum*	3	2
Ceramah / Syarahan Am / Taklimat *Talk / Speeches / Briefing*	21	0
Lawatan Belajar / Rasmi *Official Study Tour*	2	3
Ekspedisi *Expedition*	0	0
Lain-lain *Others*	0	6
Jumlah / *Total*	**264**	**36**

Taman Eko-Rimba Sungai Sedim, Kedah



Artikel

Article

Penjenamaan Semula Hutan Lipur kepada Taman Eko-Rimba

Rebranding Amenity Forest to Forest Eco-Park

Sesuatu kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) boleh dikelaskan sebagai Hutan Lipur (HL) berdasarkan Akta Perhutanan Negara 1984 seksyen 10(1)(h) bagi tujuan melakukan aktiviti riadah dan istirehat. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) adalah agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam perancangan, pembangunan dan pengurusan kawasan HL di dalam kawasan HSK, selaras dengan Dasar Perhutanan Negara (DPN) 1978. Sehingga kini, sejumlah 110 kawasan HL di dalam HSK telah dibangunkan dan diuruskan bersama oleh JPSM dan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) [JPSM-JPN] dengan menyediakan kemudahan asas seperti tapak perkhemahan, lorong pejalan kaki, wakaf, surau dan tandas. Dengan penyediaan pelbagai kemudahan di HL, prestasi bilangan pengunjung telah menunjukkan peningkatan dengan purata pengunjung seramai 5.0 juta orang setahun mulai tahun 2009.

An area in the Permanent Reserved Forest (PRF) can be classified as Amenity Forest (AF) based on the National Forestry Act 1984 section 10(1)(h) for the purpose to conduct recreational activities. Forestry Department Peninsular Malaysia (FDPM) is the Government agency responsible for the planning, development and management of AF areas in the PRF, in line with the National Forestry Policy (NFP) 1978. To date, a total of 110 AF areas in the PRF have been developed and managed by FDPM and the State Forestry Departments (SFD) [FDPM-SFD] by providing basic amenities such as campsites, footpaths, shelters, suraus and toilets. With the provision of the various amenities in the AF areas, the number of visitors recorded increases, with an average of 5.0 million visitors a year since 2009.

Bilangan Pelawat ke Hutan Lipur dan Hutan Taman Negeri, Semenanjung Malaysia, 2006 - 2015

Number of Visitors to Amenity Forest and State Park Forest, Peninsular Malaysia, 2006 - 2015



Selari dengan tahap kesedaran awam yang tinggi terhadap pemeliharaan alam semulajadi dan aktiviti ekopelancongan, JPSM-JPN terus meningkatkan lagi kemudahan dan perkhidmatan di dalam kawasan HL dengan menubuhkan denai-denai interpretasi, galeri perhutanan, titian silara dan pemandu arah berjadual bagi memenuhi permintaan pengunjung iaitu mendapat maklumat sambil melakukan aktiviti ekopelancongan.

In line with the increased level of public awareness concerning nature conservation and ecotourism activities, FDPM-SFD continued to improve the amenities and services in the AF areas with the development of interpretative trails, forest gallery, canopy walkways and scheduled nature guides to meet the needs of visitors, that is providing information while undertaking ecotourism activities.

Aktiviti rekreasi di dalam kawasan HL telah mewujudkan kesedaran awam mengenai kepentingan memelihara dan menjaga keindahan alam sekitar. Ini secara tidak langsung telah memperkenalkan dan meningkatkan imej HL tersebut kepada orang awam. Perkembangan ini telah menyebabkan penggunaan nama 'hutan lipur' turut digunakan oleh pihak lain dalam membangunkan dan menguruskan kawasan riadah. Situasi ini menyebabkan berlakunya kekeliruan kepada orang awam berkenaan konsep pembangunan HL oleh pihak JPSM-JPN yang berbeza dan masalah bidang kuasa khususnya apabila terdapat aduan mengenai isu keselamatan, kebersihan dan kemalangan di dalam kawasan HL tersebut.

The recreational activities in the AF areas have created public awareness on the importance in conserving and preserving the beauty of the environment. This indirectly initiates and enhances the image of the AF to the public. This development has caused the name 'amenity forest' to be used by other parties when developing or managing recreational areas. The situation somehow has caused confusion to the public with regard to the different development concept of AF by the FDPM-SFD and the problems on jurisdiction of power particularly when there are complaints concerning issues on safety, cleaniness and accidents in the AF areas.

Susulan daripada kekeliruan ini, penjenamaan yang merangkumi aspek lebih meluas dan bukan semata-mata pertukaran nama Hutan Lipur kepada Taman Eko-Rimba (TER). Penjenamaan TER ini turut mencakupi aspek-aspek penambahbaikan penyampaian perkhidmatan dan perhubungan antara JPSM-JPN dengan orang awam, memberikan pengalaman yang lebih baik kepada pengunjung serta meningkatkan tanggapan positif masyarakat terhadap TER. Penjenamaan semula ini penting untuk mengukuhkan kepercayaan masyarakat terhadap perkhidmatan JPSM-JPN.

Following these confusions, rebranding which covers wider aspects and not just the change in the name of Amentity Forest to Forest Eco-Park (FEP). The branding of FEP also includes the aspect of improvement in delivery service and the relationships between FDPM-SFD with the public, providing better experience to the visitors and enhanced positive perception of the community towards FEP. This rebranding exercise is important in strengthening the relationship of the community towards the sevices provided by FDPM-SFD.

Taman Eko-Rimba KL (TERKL), Hutan Simpan Bukit Nanas merupakan HL yang pertama dijenamakan semula sebagai TER pada 12 November 2009 oleh Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. TERKL telah menjadi terkenal dikalangan pengunjung tempatan mahupun luar negara dan merupakan salah satu ikon lokasi pelancongan utama memandangkan ia merupakan satu-satunya kawasan hutan hujan tropika asli tertua yang terletak di tengah Kota Metropolitan.

The KL Forest Eco-Park (KLFEP), Bukit Nanas Forest Reserve is the first AF to be rebranded as FEP on 12th November 2009 by the Minister of Natural Resources and Environment. KLFEP has become popular among local and foreign tourists and is one of the main tourist destination icon because it is one and only oldest tropical rainforest located in the heart of the Metropolitan City.

Penjenamaan semula HL kepada TER dapat dilihat dalam tujuh (7) aspek iaitu perundangan, peranan, pentadbiran dan pengurusan, promosi, pengkomersialan, pengwujudan identiti baru serta kewangan.

Rebranding AF to FEP is reflected in seven (7) aspects, that is legislation, role, administration and management, promotion, commercialisation, creation of new identity as well as finance.

Majlis Pelancaran Aplikasi Telefon Pintar (Mobile Apps) Taman Eko-Rimba oleh Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia
The Launching of Smartphones Application (Mobile Apps) of Forest Eco-Park by the Director-General of the Forestry Department Peninsular Malaysia

Penjenamaan semula HL kepada TER mampu mempelbagaikan peranannya dalam pendidikan alam semulajadi kepada pengunjung. Di samping itu, dengan imej baru yang lebih ceria dan penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap, TER mampu menjadi sebuah destinasi ekopelancongan hutan utama serta berupaya menjana pendapatan tinggi kepada Kerajaan Negeri pada masa hadapan. Sehubungan dengan itu, hebahan awam melalui kerjasama pihak media massa perlu dirancang dan dipertingkatkan lagi mengenai penjenamaan semula tersebut. Kesedaran awam dijangka akan terus meningkat disebabkan oleh pengunaan nama TER yang lebih menarik dan trendy.

Rebranding AF to FEP provides the opportunity in diversifying its role to educate the visitors on nature. In addition, with the new cheery image and efficient delivery of services, FEP can become a major ecotourism destination as well as generating income to the State Government in the future. In this regard, public announcement of FEP with the cooperation of the media has to be well planned and intensified to highlight this rebranding exercise. Public awareness is expected to increase with the usage of the name FEP which is more appealing and trendy.

Disumbangkan oleh Bahagian Forest Eco-Park dan Hutan Taman Negeri, IPJPSM
Contributed by Forest Eco-Park and State Park Forest Division, FDPMHq

Transformasi Pemantauan Dan Penguatkuasaan Hutan Melalui Inovasi Forest Monitoring Using Remote Sensing Plus 5

Innovative Transformation Of Forest Enforcement And Monitoring Through Forest Monitoring Using Remote Sensing Plus 5

Keadaan hutan yang luas menyebabkan kesukaran untuk dipantau dan mengambil masa yang lama untuk diakses bagi tujuan pemantauan dan penguatkuasaan. Bagi mengatasi masalah ini, satu kaedah inovasi diperkenalkan iaitu aplikasi Forest Monitoring using Remote Sensing (FMRS).

The extensive forest areas hindered monitoring and enforcement because of the difficulty and taking a longer time to access the area. To overcome this problem, an innovative method, that is Forest Monitoring using Remote Sensing (FMRS) was introduced.

FMRS dibangunkan secara bersama oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dengan Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) pada tahun 2008 bertujuan untuk membantu pengurus hutan melaksanakan pengesanan perubahan hutan serta menyemak aduan yang diterima berdasarkan analisis ke atas dua imej satelit untuk kawasan sama yang mempunyai tarikh yang berbeza.

FMRS was jointly developed by the Forestry Department Peninsular Malaysia (FDPM) and the Malaysian Remote Sensing Agency (ARSM) in 2008, aimed to assist forest managers to detect forest changes and to check complaints received based on the analysis of two satellite images of the same area with different dates.

Pada mulanya, FMRS dibangunkan menggunakan perisian Sistem Maklumat Geografi (GIS) atas talian iaitu Map Guide yang disuai pakai dan dimuat naik dengan data imej satelit SPOT 5 beresolusi reruang 2.5 meter dan data GIS perhutanan seperti Persempadanan Daerah Hutan, Hutan Simpan dan Kompartmen.

In the beginning, FMRS was developed using online Geographical Information System (GIS) software, that is Map Guide which adopted and uploaded SPOT 5 satellite image data of spatial resolution 2.5 meters and GIS forestry data such as the Forest District Boundaries, Forest Reserves and Compartments.

Penggunaan imej satelit optikal semata-mata di kawasan hutan tropika mempunyai beberapa batasan. Diantaranya imej yang dicerap sering dilitupi oleh kepulan awan serta imej yang diperolehi tidak menggambarkan situasi semasa berikutan masa penerimaan yang lambat. Keadaan ini menyukarkan pengurus hutan untuk mengesan perubahan kawasan berhutan dengan efektif.

The use of optical satellite images exclusively in tropical forests have several limitations. Among these, the observed image being often covered by clouds and does not reflect the current situation due to the delayed time of receipt. This situation makes it difficult for the forest managers to track changes in a forested area effectively.

Pada tahun 2013, antara muka FMRS dimigrasikan kepada perisian ArCGIS Server yang disuai pakai untuk melahirkan FMRS Plus. Penambahan data GIS yang penting untuk pemantauan hutan turut dilaksanakan seperti lesen pengusahasilan, permit penggunaan, kawasan-kawasan perlindungan seperti Hutan Tadahan Air dan Hutan Mempunyai Nilai Pemeliharaan Yang Tinggi (HCVF).

In 2013, the interface of FMRS migrated to ArcGIS Server software to generate a modified FMRS Plus. The addition of GIS data that are essential for the monitoring of forests such as harvesting licenses, utilisation permits, protected areas such as Water Catchment Forest and High Conservation Value Forest (HCVF) were implemented.

Bagi tujuan penguatkuasaan hutan, FMRS diperkukuhkan dengan kemasukan data GIS kawasan Hotspot iaitu kawasan yang berpotensi berlakunya pencerobohan hutan. Penggunaan aplikasi FMRS Plus oleh pengguna berdaftar dipantau menerusi pelaporan secara berkala.

Menerusi analisis maklumat yang ada pada aplikasi, pengurus hutan dapat mengenal pasti sama ada terdapat perubahan kawasan hutan yang memerlukan semakan lanjut di lapangan atau sebaliknya. Secara tidak langsung, aplikasi ini dapat menjimatkan kos, tenaga dan masa.

Pada tahun 2016, FMRS Plus dimantapkan dengan mempelbagaikan penggunaan peralatan berteknologi tinggi, meningkatkan kekerapan rondaan dan melaksanakan operasi penguatkuasaan bersepadu dan sekaligus menghasilkan Sistem FMRS Plus 5.

Bagi tujuan ini, komponen-komponen Sistem FMRS Plus 5 adalah Imej Remote Sensing, Sistem Maklumat Geografi (GIS), UAV (dron), Pasukan Rondaan JPSM dan Operasi Bersepadu Penguatkuasaan Hutan

FMRS was strengthened with the inclusion of GIS Hotspot data, that is potential forest areas proned to encroachment for the purpose of forest enforcement. The usage of FMRS Plus application by registered users are monitored through periodic reporting.

Through the analysis of available information on the application, the forest managers can determine whether there are any changes in the forest areas that required further checking in the field or otherwise. Indirectly, this application saves cost, manpower and time.

In 2016, FMRS Plus was further enhanced with diversification in the use of high technology equipment, increase in the frequency of patrols and implementation integrated enforcement operations and simultaneously generated FMRS Plus 5.

For this purpose, the components of FMRS Plus 5 System include Remote Sensing Image, Geographic Information System (GIS), UAV (drone), FDPM Patrol Teams and Forest Enforcement Integrated Operations.



Paparan imej dron pada antara muka FMRS Plus 5
Display of drone image on FMRS Plus 5 interface

Pembangunan Sistem FMRS Plus 5 adalah merupakan satu usaha JPSM yang melibatkan pengintegrasian software, hardware dan peopleware untuk mengesan perubahan kawasan berhutan dengan meminimumkan kos operasi pemantauan di lapangan. Penggunaan aplikasi ini mampu memberikan kesan positif seperti berikut:

The development of the FMRS Plus 5 System is one of FDPM's efforts that involves the integration of software, hardware and peopleware to detect changes in a forested area by optimising the operating cost of monitoring in the field. The use of this application is able to provide positive impacts such as:

i Pengesanan aktiviti pembalakan haram di kawasan berhutan secara berkesan. Contohnya, peningkatan Operasi Penguatkuasaan di lapangan berjaya mengurangkan kes pembalakan haram daripada 42 kes pada tahun 2008 kepada satu (1) kes pada tahun 2014.

i. Detection of illegal logging activities in forested areas effectively. For example, an increase in Enforcement Operations successfully reduced illegal logging from 42 cases in 2008 to one (1) case in 2014.

ii Pengesanan kes kesalahan hutan di lapangan dengan lebih kerap Contohnya, peningkatan jumlah kutipan kompaun dan denda bagi kes kesalahan hutan daripada RM 0.99 juta pada tahun 2008 kepada RM1.36 juta pada tahun 2014.

ii. Frequent detection of forest offences in the field. For example, increasing number of compounds and fines for forest offences from RM0.99 million in 2008 to RM1.36 million in 2014.

iii. Meminimumkan kos keseluruhan pelaksanaan operasi penguatkuasaan hutan di lapangan. Contohnya, penggunaan teknologi tinggi mampu mengurangkan penggunaan tenaga manusia sebanyak 30%-40% dari kaedah konvensional.

iii. Minimising total cost of implementation of forest enforcement operations in the field. For example, the use of high technology is capable of reducing manpower by 30%-40% as compared to the conventional method.

iv. Memendekkan masa pengesanan perubahan kawasan berhutan di lapangan. Contohnya, penggunaan teknologi tinggi di lapangan mampu membantu pengurus hutan mengenal pasti lokasi kawasan ceroboh terlebih dahulu dengan lebih cepat dan tepat serta menentukan sebelum pasukan rondaan masuk ke kawasan tersebut.

iv. Shortening the detection time of changes in forested areas in the field. For example, the use of high technology in the field are able to help the forest manager to identify the encroached areas in order to act more quickly and accurately in decision making before the entry of patrol team to the area.

Penggunaan aplikasi Sistem FMRS Plus 5 adalah pendekatan menuju precision forestry dimana ia adalah satu keperluan utama kepada setiap pengurus hutan untuk mengesan sebarang perubahan kawasan berhutan dengan meminimumkan kos operasi pemantauan di lapangan serta menjana maklumat secara real-time dengan lebih cepat, tepat dan berkesan.

The use of FMRS Plus 5 Application System is the approach towards precision forestry where it is a main requirement for every forest manager to detect any changes in a forested area by mninimising operating cost of monitoring in the field and generating real-time information faster, accurate and effectively.

Latihan penggunaan FMRS Plus 5
Training on FMRS Plus 5

Disumbangkan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat, IPJPSM
Contributed by Information Management Division, FDPMHq

Insiden Kebakaran Blok Chengal, IPJPSM
Fire Incident at Block Chengal, FDPMHq

Semasa Malaysia menyambut hari kelahirannya yang ke-53 pada 16 September 2016, satu insiden kebakaran telah berlaku di Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM), Aras 3, Blok Chengal, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM).

When Malaysia was celebrating its 53rd anniversary on 16th September 2016, a fire broke out in the Information Management Division (BPM), Level 3, Block Chengal, Forestry Department Peninsular Malaysia Headquarters (FDPMHq).

Insiden kebakaran yang berlaku telah mengakibatkan hampir keseluruhan pejabat BPM hangus dijilat api, manakala keseluruhan pejabat Direktorat (Aras 2) dan Bahagian Khidmat Pengurusan (Aras 1) pula telah rosak berikutan semburan air oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dalam usaha untuk memadamkan kebakaran tersebut. Namun demikian, insiden ini tidak melibatkan kemalangan jiwa atau kecederaan kepada mana-mana individu memandangkan hari kejadian merupakan hari cuti umum.

The incident resulted in the entire BPM office being damaged by fire, while the entire Directorate office (Level 2) and Management Services Division (Level 1) were damaged due to water sprayed by the Fire and Rescue Department of Malaysia (JBPM) in an attempt to extinguish the fire.The incident did not involve any loss of life or injury to any individual as the incident occurred during public holiday.

Anggaran kerugian akibat daripada insiden kebakaran ini adalah sebanyak RM50 juta yang meliputi Aset Tak Alih Kerajaan iaitu bangunan, Aset Alih Kerajaan seperti peralatan, kelengkapan pejabat dan ICT serta kenderaan Jabatan. Susulan daripada insiden ini, sistem penyampaian perkhidmatan dan komunikasi Jabatan juga turut terjejas.

The estimated loss from the fire was at RM50 million, which included the Government Immovable Asset such as the building, Government Mobile Asset such as equiptment, office fixtures and ICT and the Department's vehicles. Following the incident, the services delivery system and communications of the Department were also affected.

Sebagai langkah pemulihan segera, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM) telah mengarahkan warga Blok Chengal seramai 94 orang berpindah serta-merta ke Blok Damar Minyak. Operasi pemindahan pejabat melibatkan peralatan dan kelengkapan pejabat serta ICT yang terselamat daripada insiden ini.

As an immediate recovery measure, the Director-General of Forestry Department Peninsular Malaysia (DGFDPM) directed its 94 staff from Block Chengal to move immediately to Block Damar Minyak. The office relocation operation involved equipment and office fixtures as well as ICT equipment saved from the incident.

Operasi pemindahan pejabat tersebut yang bermula seawal 17 September 2016 telah dijalankan secara gotong-royong oleh warga JPSM dengan bantuan Pasukan 51 Kompeni Ordnans Diraja (KOD) Askar Wataniah dan selesai pada 24 September 2016.

The office relocation operation which began as early as 17th September 2016 was conducted by the FDPM personnel with assistance from Pasukan 51 Kompeni Ordnans Diraja (KOD) Askar Wataniah and ended on 24th September 2016.

Sistem komunikasi dan rangkaian internet telah dipulihkan semula dengan bantuan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia (NRE). Pada masa yang sama, penyediaan ruang kerja yang melibatkan pemasangan kabel, pendawaian dan sebagainya di Dewan Damar Minyak dijalankan dengan sebaiknya

The communication system and internet networking services were restored with assistance from the Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU) and the Ministry of Natural Resources and Environment Malaysia (NRE). At the same time, the setting of work station which involved cabling, wiring and others in Block Damar Minyak were installed for

bagi kegunaan warga Blok Chengal. Operasi pemulihan ini mengambil masa hampir sebulan sebelum operasi di Bahagian-bahagian yang terlibat dengan insiden tersebut dapat dilaksanakan seperti sediakala.

the usage of staff from Block Chengal. The recovery operation took almost a month before the affected Divisions resume its normal operations.

Lanjutan daripada insiden ini, Menteri dan Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) serta Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah melakukan lawatan ke Blok Chengal bagi meninjau kesan insiden kebakaran tersebut.

Following the incident, the Minister and Deputy Minister of Natural Resources and Environment as well as the Chief Secretary to the Ministry of Natural Resources and Environment visited Block Chengal to view the effects of the fire.

Selain itu, pengurusan dokumen rasmi Kerajaan telah dilaksanakan mengikut prosedur Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (KPKK). Pihak Arkib Negara Malaysia dan Perpustakaan Negara Malaysia juga telah menilai tahap kerosakan dokumen rasmi Kerajaan serta buku sebelum memberikan khidmat nasihat yang sewajarnya.

In addition, the management of Government official documents were conducted following procedures from the Office of the Chief Government Security Officer (CGSO). The National Archives of Malaysia and the National Library of Malaysia also assessed the damage of the Government official documents and books before providing appropriate advisory services.

Lanjutan daripada insiden ini, pihak Jabatan telah memohon Arahan Perbendaharaan 55 (AP 55) iaitu Perbelanjaan Darurat kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) melalui NRE pada 22 September 2016 bagi menampung perbelanjaan kecemasan termasuk melantik secara terus perunding bagi membuat penilaian dan membaik pulih sepenuhnya bangunan tersebut. Sehubungan dengan itu, pihak MOF telah memberikan kelulusan AP 55 tersebut dengan melantik Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd. (IKRAM) sebagai kontraktor bagi tujuan tersebut pada 28 September 2016.

Following the incident, the Department through NRE applied for the Treasury Instruction 55 (AP 55), that is the Emergency Expenditure from the Ministry of Finance (MOF) on 22nd September 2016 to cover emergency expenses including the direct appointment of a consultant to assess and repair the building. Following this, MOF who had approved the AP 55 appointed Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd. (IKRAM) as a contractor for that purpose on 28th September 2016.

Pihak JBPM melalui Laporan Penyiasatan Kebakaran bertarikh 16 Mac 2017 telah memaklumkan bahawa sumber nyalaan kepada kebakaran di BPM, Aras 3, Blok Chengal, IPJPSM adalah SN7D Resistance Heating dimana ia berlaku disebabkan loose connection pada penyambungan plug pin dan socket pada extension cord telah mencetuskan nyalaan dan memulakan kebakaran ke seluruh ruang pejabat BPM. Pihak JBPM juga memaklumkan bahawa punca kebakaran adalah dikategorikan sebagai kemalangan.

The Fire Investigation Report dated 16th March 2017 by JBPM notified that the source of the fire in BPM, Level 3, Block Chengal, FDPMHq was SN7D Resistance Heating whereby it occurred due to loose connection in the plug pin and socket of the extension cord that sparked the flame and started a fire to the entire BPM office. JBPM also informed that the cause of the fire is categorised as accidental fire.

Pandangan dari atas
View from above

Kesan kebakaran di Aras 3
The damages at Level 3

Pihak JBPM dalam usaha memadamkan kebakaran
JBPM's efforts to extinguish the fire

Lawatan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar
Visit by the Minister of Natural Resources and Environment

Lawatan Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar
Visit by the Deputy Minister of Natural Resources and Environment

Lawatan Ketua Setiausaha, NRE
Visit by the Chief Secretary of NRE

Disumbangkan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan, IPJPSM
Contributed by Management Services Division, FDPMHq

Hutan Taman Negeri Gunung Stong, Kelantan



Profil Jabatan Perhutanan Negeri

State Forestry Department's Profile



JOHOR

Ibu Negeri / *State Capital*	: JOHOR BAHRU
Alamat / *Address*	: Jabatan Perhutanan Negeri Johor, Tingkat 2, Bangunan Dato' Mohammad Ibrahim Munsyi, Kota Iskandar, 79660 Nusajaya, Johor
No. Tel. / *Tel. No.*	: 07-266 7433
No. Faks / *Faxs No.*	: 07-266 1288
Pengarah / *Director*	: Mohd. Ridza bin Awang
E-Mel / *Email*	: ridza@forestry.gov.my
Laman Sesawang / *Website*	: www.forestry.gov.my/johor

1.	Penduduk (juta) (2010)* / *Population (million)*	3.66
2.	Keluasan Tanah / *Land Area* (ha)	1,901,600
3.	Tanah Berhutan / *Forested Land* (ha)	449,212
4.	Tanah Tidak Berhutan / *Non-forested Land* (ha)	1,452,388
5.	Sumber Hutan / *Forest Resource*	
	a) Hutan Simpanan Kekal / *Permanent Reserved Forest* (ha)	414,628
	b) Ladang Hutan / *Forest Plantations* (ha)**	60,199
	c) Tanah Kerajaan / *State Land Forest* (ha)	29,375
	d) Taman Hidupan Liar / *Wildlife Reserve* (ha)	111,454
	e) Catuan Tebangan Tahunan (untuk Hutan Simpanan Kekal) (ha)*** *Annual Allowable Cut (for Permanent Reserved Forest)*	2,121
	f) Keluasan yang dikeluarkan untuk pengusahasilan (ha)+ *Area opened for logging*	907
	g) Pengeluaran / *Production*	
	- Kayu Balak / *Logs* (m^3)	47,472
	- Hasil Hutan Lain / *Other Forest Products* (RM)	1,037,331
6.	Industri Hutan / *Forest Industry*	
	a) Bilangan / *Number*	
	- Kilang Papan / *Sawmills*	70
	- Kilang Papan Lapis / Venier / *Plywood / Veneer Mills*	7
	- Kilang Kayu Kumai / *Moulding Mills*	10
	b) Penggunaan Kayu Balak / *Consumption of Logs* (m^3)	
	- Kilang Papan / *Sawmills*	326,080
	- Kilang Papan Lapis / Venier / *Plywood / Veneer Mills*	9,908
	c) Pengeluaran / *Production* (m^3)	
	- Kayu Gergaji / *Sawn Timber*	230,028
	- Papan Lapis / *Plywood*	3,662
	- Kayu Kumai / *Mouldings*	532
	d) Bilangan Pekerja / *Number of Workers*	2,789

Nota / *Note*

* - **Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia**
Source: Department of Statistics, Malaysia

** - **Termasuk Ladang-Ladang Hutan Kompensatori, Pine, Jati dan Getah**
Includes Compensatory Forest Plantation, Pine, Teak and Rubber Plantations

*** - **Seperti yang ditetapkan oleh Majlis Perhutanan Negara**
As stipulated by the National Forestry Council

\+ - **Termasuk kawasan Hutan Simpanan Kekal, Tanah Kerajaan dan Tanah Berimilik**
Includes Permanent Reserved Forest, State Land and Alienated Land

KEDAH

Ibu Negeri / *State Capital*	: ALOR SETAR
Alamat / *Address*	: Jabatan Perhutanan Negeri Kedah, Tingkat 8, Bangunan Sultan Abd. Halim, Jalan Sultan Badlishah,05000 Alor Setar, Kedah
No. Tel. / *Tel. No.*	: 04-733 3844 / 04-733 3901
No. Faks / *Faxs No.*	: 04-731 0610
Pengarah / *Director*	: Ku Azmi bin Ku Aman
E-Mel / *Email*	: kuazmi@forestry.gov.my
Laman Sesawang / *Website*	: www.kedforestry.gov.my

1.	Penduduk (juta) (2010)* / *Population (million)*	2.12
2.	Keluasan Tanah / *Land Area* (ha)	942,500
3.	Tanah Berhutan / *Forested Land* (ha)	342,431
4.	Tanah Tidak Berhutan / *Non-forested Land* (ha)	600,069
5.	Sumber Hutan / *Forest Resource*	
	a) Hutan Simpanan Kekal / *Permanent Reserved Forest* (ha)	341,976
	b) Ladang Hutan / *Forest Plantations* (ha)**	9,583
	c) Tanah Kerajaan / *State Land Forest* (ha)	455
	d) Taman Hidupan Liar / *Wildlife Reserve* (ha)	-
	e) Catuan Tebangan Tahunan (untuk Hutan Simpanan Kekal) (ha)*** *Annual Allowable Cut (for Permanent Reserved Forest)*	3,338
	f) Keluasan yang dikeluarkan untuk pengusahasilan (ha)+ *Area opened for logging*	3,338
	g) Pengeluaran / *Production*	
	- Kayu Balak / *Logs* (m^3)	457,791
	- Hasil Hutan Lain / *Other Forest Products* (RM)	23,647
6.	Industri Hutan / *Forest Industry*	
	a) Bilangan / *Number*	
	- Kilang Papan / *Sawmills*	34
	- Kilang Papan Lapis / Venier / *Plywood / Veneer Mills*	3
	- Kilang Kayu Kumai / *Moulding Mills*	12
	b) Penggunaan Kayu Balak / *Consumption of Logs* (m^3)	
	- Kilang Papan / *Sawmills*	55,033
	- Kilang Papan Lapis / Venier / *Plywood / Veneer Mills*	128,912
	c) Pengeluaran / *Production* (m^3)	
	- Kayu Gergaji / *Sawn Timber*	34,885
	- Papan Lapis / *Plywood*	106,729
	- Kayu Kumai / *Mouldings*	-
	d) Bilangan Pekerja / *Number of Workers*	1,694

Nota / *Note*

* - **Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia**
Source: Department of Statistics, Malaysia

** - **Termasuk Ladang-Ladang Hutan Kompensatori, Pine, Jati dan Getah**
Includes Compensatory Forest Plantation, Pine, Teak and Rubber Plantations

*** - **Seperti yang ditetapkan oleh Majlis Perhutanan Negara**
As stipulated by the National Forestry Council

